



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam pengkhususan seperti dibawah bagi menyertai tender berikut:

BIL.	NO. / TAJUK TENDER	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH PELAWA/ TARIKH PENGAMBILAN DOKUMEN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK / TAKLIMAT / HARGA DOKUMEN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP PELAWAAN
1.	PKPMP(02)T36/2018 Kerja-Kerja Operasi dan Penyelenggaraan Sistem Mekanikal dan Elektrikal Di Kompleks Mahkamah Shah Alam, Selangor bagi Tempoh Dua Tahun	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G4 Kategori ME, Pengkhususan M01, M02, M03, M15, M20, M22 dan E01, E03, E04, E10 dan E11	18 Oktober 2018 (Khamis) / 23 Oktober 2018 (Selasa) Bertempat di: Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bahagian Pengurusan Aras 3, Istana Kehakiman Presint 3, 62506 PUTRAJAYA (Petender juga boleh membeli dokumen tawaran semasa menghadiri lawatan tapak/ taklimat pada 23 Oktober 2018)	23 Oktober 2018 (Selasa) Pendaftaran : 9.00 – 10.00 pagi Taklimat : 10.00 pagi (DIWAJIBKAN) Bertempat di: Bilik Mesyuarat Seri Cempaka Aras 5, Bangunan Annexe, Kompleks Mahkamah Shah Alam, Selangor Dokumen Tender RM50.00 senaskah	13 November 2018 (Selasa) 12.00 tengahari Bertempat di: Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bahagian Pengurusan Aras 3, Istana Kehakiman Presint 3, 62506 PUTRAJAYA

- Petender adalah **DIWAJIBKAN** menyertai lawatan tapak/ taklimat yang akan diadakan pada **23 Oktober 2018 (Selasa)** bertempat di Bilik Mesyuarat Sri Cempaka Aras 5, Bangunan Annexe, Kompleks Mahkamah Shah Alam, Selangor. Peteder yang tidak menghadiri lawatan tapak dan taklimat **TIDAK LAYAK** untuk menyertai tender. Paparan iklan boleh dilihat di Portal Rasmi Pejabat Ketua Pendaftar dan **MYPROCUREMENT** pada **18 Oktober 2018 (Khamis)** jam 12.00 tengahari.
- Individu yang menghadiri lawatan tapak/ taklimat hendaklah terdiri daripada penama sepertimana tercatat di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat sahaja. Maksimum dua (2) orang wakil bagi setiap syarikat.
- Petender adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak/ taklimat dengan membawa bersama Cop Syarikat, Sijil Asal dan Salinan CIDB, (salinan tidak akan dikembalikan). Kegagalan Petender menghadiri lawatan tapak/ taklimat tersebut boleh mengakibatkan Cadangan Petender tidak layak dipertimbangkan dan akan **DITOLAK**. **KELEWATAN** Petender menghadiri lawatan tapak/ taklimat juga boleh menyebabkan Petender **GAGAL** menyertai Tender. Petender hendaklah berdaftar dalam gred yang dinyatakan di atas dengan CIDB dan sijil tersebut masih dalam tempoh sah laku.
- Dokumen Tender boleh disemak/ dibeli di Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Seksyen Pembangunan dan Penyelenggaraan, Bahagian Pengurusan, Aras 3, Istana Kehakiman, Presint 3, 62506 PUTRAJAYA pada waktu pejabat bermula pada **23 Oktober 2018 (Khamis) hingga 6 November 2018 (Selasa)** dengan membawa bersama sijil asal dan Salinan CIDB (Salinan tidak akan dikembalikan). (Petender juga boleh membeli Dokumen Tender semasa menghadiri lawatan tapak/ taklimat pada 23 Oktober 2018).
- Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang atas nama Akauntan Negara Malaysia. Bayaran tersebut hendaklah dibuat di Kaunter Setempat, Aras 1, Istana Kehakiman, Presint 3, 62506 PUTRAJAYA.
- Dokumen Tender **ASAL** yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender pada atau sebelum **13 November 2018 (Selasa)** jam 12.00 tengahari, di alamat:

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Bahagian Pengurusan
Aras 3, Istana Kehakiman
Presint 3, 62506 PUTRAJAYA

- Petender yang lewat menghantar Dokumen tender **ASAL** seperti mana arahan Tender tidak akan dipertimbangkan.
- Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima Tender dengan harga yang terendah atau mana-mana Tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Tender. Keputusan Lembaga Perolehan adalah muktamad.